

Boeing, SpiceJet Umum Tempahan Untuk 42 737 MAX 8s
Bernama
12 Mac, 2014
Oleh Saraswathi Muniappan

NEW DELHI, 12 Mac (Bernama) -- Boeing dan SpiceJet hari ini mengumumkan tempahan untuk 42 pesawat 737 MAX 8s di India Aviation 2014.

Pesanan itu yang sebelum ini tidak dinyatakan di laman web Boeing Orders & Deliveries bernilai AS\$ 4.4 bilion, dalam senarai harga.

Ketua Pegawai Kewangan The Sun Group S.L Narayanan dalam satu kenyataan berkata, SpiceJet sangat menghargai hubungan yang telah terbina selama bertahun-tahun dengan Boeing.

"Pesawat generasi akan datang Boeing 737, teras armada sejak SpiceJet memulakan operasi, telah mewajarkan pilihan kita berdasarkan ketahanan, kebolehpercayaan dan keberkesanan kos.

"Kemasukan Boeing 737 MAX akan terus memodenkan armada kami, meningkatkan pengalaman pelanggan dan memastikan bahawa kami beroperasi dengan armada yang terbaik pada masa depan," katanya.

Pesawat 737 MAX menggunakan teknologi enjin yang paling maju ke atas kapal terbang yang paling laris di dunia, memanfaatkan kekuatan pesawat generasi akan datang 737 pada Rabu.

Pesawat 737 MAX menggabungkan teknologi terkini ke atas enjin CFM International LEAP-1B yang memberikan kecekapan tertinggi, kebolehpercayaan dan keselesaan penumpang di pasaran satu laluan.

Naib Presiden Kanan Jualan Asia Pasifik dan India, Boeing Commercial Airplane Dinesh Keskar berkata tempahan itu merupakan satu pengiktirafan besar ke atas kecekapan bahan api 737 MAX yang tidak ada bandingan.

"Keupayaan MAX 737 akan menyokong misi SpiceJet untuk menjadi syarikat penerbangan tambang murah yang menjadi pilihan di India.

"Kami amat berbangga untuk menjadi rakan kongsi dengan SpiceJet dan sebahagian daripada kejayaan berterusan syarikat penerbangan berkait dengan 737 MAX," katanya.

Pembangunan 737 MAX adalah mengikut jadual dengan konfigurasi tetap pesawat dicapai pada Julai 2013.

Penerbangan pertama dijadualkan pada 2016 dengan penghantaran kepada pelanggan-pelanggan bermula pada tahun 2017.

Terbukti merupakan satu kejayaan di pasaran, 737 MAX telah mengumpulkan lebih daripada 1,800 tempahan sehingga sekarang dan akan mempunyai lapan peratus lebih rendah kos operasi untuk setiap satu kerusi operasi kos daripada saingannya pada masa hadapan.

Dengan pengumuman hari ini, SpiceJet telah menempah 90 pesawat langsung dari Boeing, termasuk 737-800, 737-900ER dan kini 737 MAX.

Sehingga sekarang, SpiceJet telah menerima 31 pesawat itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021355>